



PERTUKARAN MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA)



DIGITAL PERAK MEMETERAI KERJASAMA STRATEGIK DENGAN KIPLEPAY

KERAJAAN NEGERI PERAK MELALUI DIGITAL PERAK KOLABORASI DENGAN KIPLEPAY DALAM SOLUSI GERBANG BAYARAN MEWUJUDKAN MASYARAKAT TANPA TUNAI

IPOH, OKTOBER 9, 2020 – Bagi memudahkan transaksi tanpa tunai, satu kerjasama strategik dalam solusi gerbang bayaran (payment gateway) telah diwujudkan antara Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) dan KiplePay Sdn. Bhd. (KiplePay), anak syarikat Green Packet Berhad.

Kerjasama strategik ini dicapai untuk membolehkan perkhidmatan-perkhidmatan Digital Perak seperti kursus latihan yang ditawarkan di Hub Inovasi & Multimedia (HiM), pelbagai perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi Berkaitan Kerajaan (GLC) melalui Portal Perak Digital dan seterusnya transaksi jualan e-dagang para peniaga, S.M.A.R.T Niaga@Perak dapat dibayar secara tanpa tunai.

Ini dapat dilaksanakan menerusi pelbagai mod bayaran tanpa tunai sama ada secara pindahan akaun bank (FPX), kad kredit, kad debit dan dengan imbasan kod QR mudah tanpa mengira jenis e-dompet para pengguna melalui aplikasi kipleBiz.

Kemudahan ini dibuka kepada semua peniaga kecil yang muat turun aplikasi tersebut untuk memudahkan pembayaran tanpa tunai bagi urusan jual beli. Inisiatif ini membantu memulihkan semula sektor perniagaan dengan teknologi digital bagi mematuhi pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) dalam norma baharu.

Majlis pertukaran perjanjian (MoA) ini telah disaksikan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu. Digital Perak diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan manakala KiplePay diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Tan Kay Yen. Turut hadir menyaksikan, Pegawai Kewangan Negeri Perak, YB Dato' Zulazlan bin Abu Hassan serta Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi Dan Multimedia Negeri Perak, YB Encik Khairul Shahril bin Mohamed.